

# Niaga hadapan MSM dijangka lebih tinggi

**KUALA LUMPUR** - Kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) di Bursa Malaysia Derivatives dijangka diniagakan tinggi minggu ini antara RM3,700 dan RM4,000 berikutan jangkaan pengeluaran rendah, kata seorang peniaga.

Peniaga minyak sawit, David Ng berkata, peniaga menjangkakan output lebih rendah kerana musim tengkujuh dan keadaan banjir yang semakin teruk di beberapa kawasan ladang, ia boleh membantu menaikkan harga lebih tinggi.

“Aliran dagangan akan didorong oleh jangkaan bekalan dan permintaan pada Disember yang diunjur meningkat,” katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Sementara itu, Peniaga Kanan Minyak Sawit Interband Group of Companies, Jim Teh berkata, pasaran dijangka menyaksikan beberapa aktiviti pengambilan untung minggu ini untuk dagangan

akhir tahun.

“Kami juga menjangkakan untuk melihat jumlah dagangan yang rendah kerana minggu ini akan menjadi minggu dagangan singkat berikutan ramai peniaga bercuti akhir tahun,” katanya.

Bagi minggu yang baru berakhir, niaga hadapan MSM kebanyakannya menjejaki kenaikan yang lebih tinggi dalam niaga hadapan minyak kacang soya di Lembaga Perdagangan Chicago (CBOT) dan jangkaan pengeluaran dan paras stok yang lebih rendah di negara ini.

Pada asas mingguan, kontrak Januari 2023 turun RM61 kepada RM3,802 satu tan metrik, Februari 2023 susut RM70 kepada RM3,820 satu tan metrik, Mac 2023 merosot RM88 kepada RM3,830 satu tan metrik, April 2023 berkurangan RM84 kepada RM3,833 satu tan metrik manakala Mei 2023 berkurangan RM70 kepada RM3,830 satu tan metrik. - *Bernama*



**Pengeluaran sawit dijangka lebih rendah kerana musim tengkujuh dan keadaan banjir yang semakin teruk di beberapa kawasan ladang, ia boleh membantu menaikkan harga lebih tinggi.**